

# KL, Tokyo pertingkatkan hubungan kerjasama komprehensif strategik

Anwar hargai komitmen Jepun meluaskan perdagangan, pelaburan di Malaysia

**Tokyo:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatnya, Fumio Kishida, semalam mengeluarkan kenyataan bersama mengenai peningkatan hubungan Malaysia-Jepun kepada kerjasama komprehensif strategik.

Kenyataan itu diberikan sebelum kedua-dua pemimpin itu menyaksikan majlis menandatangani dan pertukaran nota Program Peningkatan Kapasiti Keselamatan, bersama Jepun akan menyediakan peralatan pemantauan

dan pengawasan untuk Malaysia.

Kedua-dua pemimpin juga menyaksikan pertukaran memorandum kerjasama mengenai Pembangunan dan Aplikasi Angkasa Lepas antara Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dan Agensi Penerokaan Aeroangkasa Jepun (JAXA).

Terdahulu, Anwar dan Kishida mengadakan pertemuan dua hala dan mesyuarat.

Anwar berkata, Malaysia amat menghargai komitmen Jepun kepada rantau ini, termasuk Malaysia sejak 1980-an.

"Saya amat menghargai hubungan Malaysia-Jepun dan gembira dengan komitmen dan kerjasama meluas yang ditunjukkan Jepun dalam perdagangan dan pelaburan di rantau ini," katanya.

Anwar berkata, Jepun juga memainkan peranan penting dalam pembangunan Malaysia sejak tahun 1980-an, menerusi pelaburan sektor swasta.

## Hargai peranan Malaysia

Sementara itu, Kishida berterima kasih kepada Malaysia atas



Anwar dan Kishida menyaksikan pertukaran nota Bantuan Geran Bantuan Keselamatan Rasmi antara Mohamad dan Kamikaway di Tokyo, semalam. (Foto BERNAMA)

layanan yang diberikan ketika lawatan beliau ke Malaysia baru-baru ini dan peranan penting dimainkannya dalam membentuk ASEAN seperti yang ada sekarang serta mahu melihat pembabitan yang lebih besar Jepun

dalam ASEAN.

Terdahulu, pada majlis menandatangani dan pertukaran nota Peningkatan Kapasiti Keselamatan itu, Malaysia diwakili Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan, manakala Jepun diwakili Menteri

Luarnya, Yoko Kamikaway.

Pada pertukaran memorandum kerjasama angkasa Ketua Pengarah MYSA, Azlikamil Napih mewakili Malaysia dan Presiden JAXA, Hiroshi Yamakawa bagi pihak Jepun. BERNAMA